

NO SOALAN :36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.11.2014

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apakah jumlah pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mengikut projek, jumlah hutang yang ditanggung serta prestasi pengurusan kewangan syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah nilai aset terkumpul 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM44.66 bilion.

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Di antara pelaburan yang kini sedang dijalankan adalah seperti yang berikut:

1. Tun Razak Exchange

Direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, contohnya dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai Early Entry Point dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan perkapita menjelang 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 billion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya

global.

Baru-baru ini TRX juga telah memilih syarikat hartanah dan infrastruktur antarabangsa Lend Lease sebagai rakan kongsi utama di dalam projek pembangunannya untuk TRX ‘Lifestyle Quarter’. Perjanjian yang ditandatangani 1MDB Real Estate Sdn Bhd (1MDB RE) dan Lend Lease ini dijangka menarik sehingga US\$1 bilion (RM3.2 bilion) dalam bentuk pelaburan langsung asing ke Malaysia.

2. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur kepada Bandar Malaysia

Bandar Malaysia pula adalah satu projek pembangunan bersepadu memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpuan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

3. Sektor Tenaga

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings, Genting Sanyen dan juga Jimah Energy Ventures Sdn Bhd baru-baru ini merupakan langkah bagi 1MDB ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan tenaga mampan dalam jangka panjang.

Konsortium 1MDB-Mitsui juga telah memenangi Projek 3B oleh Suruhanjaya Tenaga yang akan melibatkan pembinaan dan operasi 2000MW loji arang batu bersebelahan loji janakuasa Jimah di Negeri Sembilan.

1MDB kini merupakan pengeluar tenaga bebas (IPP) kedua terbesar di Malaysia dari segi kapasiti pengeluaran tenaga.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hutang 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM36.25 bilion. Maklumat lengkap boleh diperolehi di dalam Penyata Kewangan yang telah diaudit dan dihantar kepada Suruhanjaya Syarikat

Malaysia (SSM).

Setakat ini 1MDB tidak pernah terlepas dari memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti di samping mempunyai peluang-peluang pertumbuhan yang utuh, seperti aset IPP dan aset harta tanah strategiknya.